

26/07/2002

Menggalakkan lebih ramai rakyat agar celik komputer

KEMPEN 'satu keluarga satu komputer' yang dilaksanakan kerajaan sejak 1 Julai 2000 bertujuan memenuhi keperluan teknologi maklumat (IT) di samping mewujudkan masyarakat celik komputer. Pelbagai skim diwujudkan untuk memudahkan rakyat memiliki komputer bagi mengurangkan jurang digital di antara penduduk bandar dan luar bandar. Dalam jangka panjang, manfaat teknologi berkenaan diharapkan dapat dinikmati seluruh rakyat. Namun, di sebalik Koridor Raya Multimedia (MSC) menjulang nama Malaysia sebagai antara negara yang menunjukkan kesungguhan untuk meneroka kemajuan dalam bidang digital, tindak balas masyarakat pula amat lembap. Kelonggaran pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembelian komputer hanya dimanfaatkan oleh segelintir.

Sudah berulang kali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa kerana masih ramai rakyat tidak berusaha mempelajari komputer dan bidang teknologi maklumat. Kekecewaan Perdana Menteri mudah difahami kerana rakyat negara ini akan semakin jauh ketinggalan dalam era komputer yang bergerak semakin pantas andainya mereka kekal dengan sikap demikian. Barangkali wujudnya jurang literasi digital yang serius di negara ini ialah kerana sikap malas sesetengah pihak untuk memperbaiki diri. Rakyat sebenarnya tidak lagi boleh berleluasa. Dengan kemahiran dalam bidang IT banyak membawa faedah kepada negara, termasuk membantu memajukan sektor ekonomi, satu-satunya pilihan yang ada ialah menguasai ilmu berkaitan. Penggunaan komputer hendaklah diterapkan sebagai budaya, bukan lagi alat yang mencetuskan bermacam kesangsian dan kecurigaan.

Adalah amat malang skim pengeluaran pembelian komputer melalui KWSP yang ditawarkan kerajaan ketika pembentangan semula Belanjawan 2000, dieksploitasikan sebagai cara mudah mendapat wang tunai. Beberapa ejen jualan konsortium yang dilantik menawarkan wang tunai kepada pencarum tanpa perlu membeli komputer. Dalam soal ini, pencarum turut bersalah kerana bersubahat. Berleluasanya penipuan dengan cara itu menyebabkan skim berkenaan digantung selama tiga bulan mulai 27 Jun lalu bagi membolehkan KWSP menjalankan kajian terperinci mengenai keberkesananannya. Sama ada skim itu diteruskan atau dibatalkan bakal diketahui ketika pembentangan Belanjawan Negara 2003, September ini. Harapan kita ialah skim itu dapat disambung dengan prosedur diperketatkan bagi mengelak sebarang penyelewengan.

Sambil itu, Komputer Nasional (Komnas) keluaran DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DH Info Tech) yang dilancarkan kelmarin, menawarkan satu lagi pilihan yang menepati kemampuan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Pada harga serendah RM1,899 selain skim pinjaman Bank Simpanan Nasional (BSN) dan EON Bank dengan bayaran kurang RM50 sebulan bagi tempoh lima tahun, komputer Komnas Twenty20 yang dibangunkan oleh anak tempatan itu menggunakan perisian sumber terbuka, mampu dimiliki oleh kebanyakan rakyat negara ini. Langkah DH Info Tech memperkenalkan komputer berkenaan sewajarnya dipuji dalam merangsang pemilikan komputer bagi setiap isi rumah akan lebih cepat mencapai matlamatnya.

Tidak syak lagi keperluan penting dalam menyusuri arus ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan menuntut masyarakat memperlengkapkan diri dengan kemahiran baru. Pelajar, terutamanya, hendaklah banyak membaca dan menguasai pelbagai bahasa, terutama bahasa Inggeris, bagi menguasai Internet serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sambil bilangan komputer peribadi yang dimiliki penduduk negara ini meningkat kepada 2.5

juta - satu peningkatan lebih empat kali ganda berbanding 610,000 pada 1995 - langkah-langkah hendaklah diperhebatkan seiring dengan usaha kerajaan untuk membentuk negara sebagai pusat IT di rantau ini. Pelbagai platform untuk pembelajaran IT sudah diwujudkan di merata tempat, baik di bandar mahupun di desa, namun ia tidak akan memberi banyak makna jika ia tidak dimanfaatkan pengguna.